

'Muhyiddin tak rujuk MT PN tolak tubuh Kerajaan Perpaduan'

Keputusan segera dibuat kerana BERSATU tak mahu kerjasama dengan PH

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, didakwa tidak berbincang dengan Majlis Tertinggi (MT) Per-

rikatan Nasional (PN) sebelum membuat keputusan menolak cadangan penubuhan Kerajaan Perpaduan seperti dititahkan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, mendakwa keputusan kepada cadangan itu dibuat dengan segera oleh Pengerusi PN itu di hadapan Al Sultan Abdullah selepas beberapa ketua parti, termasuk Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim dipanggil menghadap baginda di Istana Negara pada 22 November 2022.

Saya difahamkan beberapa pimpinan kanan PAS dan BERSATU, tolak menolak ini tidak dibincangkan dalam MT, maknanya keputusan itu dibuat dengan segera di depan Tuanku



Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, Ahli Parlimen Machang

Ketika itu, tiada mana-mana parti politik mempunyai majoriti untuk membentuk kerajaan menyebabkan Al-Sultan Abdullah menitahkan penubuhan Kerajaan Perpaduan.

"Atas dasar prinsip, mungkin beliau tidak mahu bersama DAP, mungkin kerana kami sudah dapat 115 kerusi terlebih dahulu, akhirnya membuatkan pendirian Tan Sri Muhyiddin menolak (cadangan Kerajaan Perpaduan).

"Bagaimanapun, saya difahamkan beberapa pimpinan kanan PAS dan BERSATU, tolak-menolak ini tidak dibincangkan dalam MT, maknanya keputusan itu dibuat dengan segera di depan Tuanku," katanya dalam program *The Zaid Ibrahim Podcast* yang disiarkan kelmarin.

Pada petang 22 November 2022, Muhyiddin memaklumkan Al-Sultan Abdullah menitahkan cadangan PN dan PH membentuk Kerajaan Perpaduan, pada satu sidang media selepas pulang daripada menghadap baginda di Istana Negara, bersama Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang.

Muhyiddin, bagaimanapun memaklumkan kepada baginda yang gabungan parti itu tidak mahu bekerjasama dengan PH, kerana itu menjadi prinsip gabungan terbabit sejak dulu.

Muhyiddin juga menulis dalam dokumen menolak cadangan serai Kerajaan Perpaduan

Mengulas lanjut, Wan Ahmad Fayhsal yang kini digantung daripada BERSATU selama sepagal berhubung isu akuan bersumpah (SD) berkaitan usaha mendesak pengunduran presiden parti itu sebelum ini, mendakwa kejadian itu menjadi titik tolak kepada masalah dalaman dalam BERSATU dan PN.

Beliau turut berpandangan, PN sepatutnya perlu mengambil masa berbincang mengenai cadangan penubuhan Kerajaan Perpaduan itu, berbanding dengan segera menolaknya.

"Apabila Muhyiddin menolak, Anwar menerima, maksudnya diberi ruang oleh Tuanku untuk memastikan tertubuhnya Kerajaan Perpaduan.

"Pada asalnya, semua yang sokong Anwar menjadi Perdana Menteri itu menyokong Muhyiddin," katanya.

PAS lebih sokong Hamzah

Wan Ahmad Fayhsal berkata, PAS lebih cenderung menyokong Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, susulan kepemimpinannya dalam menggerakkan jentera PN pada PRU15, selain karakternya yang disenangi Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Beliau berkata, sokongan itu jelas kelihatan apabila Abdul Hadi menamakan Hamzah menjadi Ketua Pembangkang pada mesyuarat diadakan selepas PN gagal membentuk kerajaan, tanpa mengadakan sebarang perbincangan terlebih dahulu.

"Pada mesyuarat itu, Muhyiddin bertanya kepada Tuan Guru (Abdul Hadi), siapa yang PAS mahu namakan sebagai Ketua Pembangkang dan beliau segera menjawab, PAS setuju menamakan Hamzah.

"Saya lihat Muhyiddin agak terkejut kerana Hamzah ketika itu ialah Setiausaha Agung PN.

"Jadi, PAS pun nampak Hamzah memainkan peranan yang berkesan untuk menyatukan jentera PAS dan BERSATU, sebab itu kita menang PRU15 (kerusi terbanyak)," katanya.